NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

| | | |
|---|---|---|
| Jil. 64<br>Bil. 1 | **6hb Januari 2011** | *TAMBAHAN*<br>*No. 1* |


**No. 92.**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH SELAMA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

Penyata kewangan Majlis Daerah Selama bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapatkan kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji dan bagi memastikan ketepatan angka dan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

3. Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Daerah Selama pada 31 Disember 2008 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

IPOH

Bertarikh 2 September 2009

t.t.

(MUHAMMAD SURARDI BIN ADAM)
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

## PENYATA OLEH AHLI-AHLI MAJLIS
## MAJLIS DAERAH SELAMA
## PERAK DARUL RIDZUAN

Kami, Ng Chong Lim dan Pandian a/l Govindasamy yang merupakan Ahli Majlis, Majlis Daerah Selama, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta Nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Selama pada 31 Disember 2008 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis
NG CHONG LIM
Ahli Majlis
Majlis Daerah Selama
Bertarikh 28 Mei 2009

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis
PANDIAN A/L GOVINDASAMY
Ahli Majlis
Majlis Daerah Selama
Bertarikh 28 Mei 2009

## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
## YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
## PENGURUSAN KEWANGAN
## MAJLIS DAERAH SELAMA
## PERAK DARUL RIDZUAN

Saya, Haji Mohammad Yusoff bin Abustan, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas kewangan Majlis Daerah Selama, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh )
penama yang tersebut di atas )
di Selama )
pada 11 Jun 2009 )

..........................................................
Haji Mohammad Yusoff,
bin Abustan
Yang Dipertua
Majlis Daerah Selama

Di hadapan saya,

..........................................................
(Pesuruhjaya Sumpah)

MAJLIS DAERAH SELAMA, PERAK DARUL RIDZUAN
LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2008

| | Nota | 2008 RM | 2007 RM |
|---|---|---|---|
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | 12,717,606 | 12,772,503 |
| ASET SEMASA | | | |
| Penghutang | 5 | 366,159 | 369,652 |
| Pinjaman Kenderaan & Komputer | 6 | 26,646 | 31,248 |
| Bayaran Terdahulu | 7 | 11,702 | 8,503 |
| Cagaran Dibayar | 8 | 8,103 | 8,103 |
| Wang Di Bank dan Di Tangan | 9 | 848,840 | 817,867 |
| | | 1,261,450 | 1,235,373 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pemiutang | 10 | 40,581 | 49,032 |
| Terimaan Terdahulu | 11 | 1,905 | 6,649 |
| Cagaran Diterima | 12 | 132,771 | 115,734 |
| | | 175,257 | 171,415 |
| ASET SEMASA BERSIH | | 1,086,193 | 1,063,958 |
| | | 13,803,799 | 13,836,461 |
| Dibiayai Oleh: | | | |
| Kumpulan Wang | 13 | 2,410,838 | 2,404,831 |
| Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan | 14 | 11,392,961 | 11,431,630 |
| | | 13,803,799 | 13,836,461 |

MAJLIS DAERAH SELAMA
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | | 2008 | 2007 |
|---|---|---|---|
| | | RM | RM |
| PENDAPATAN | Nota | | |
| Hasil Cukai | 15 | 314,964 | 299,756 |
| Hasil Bukan Cukai | 16 | 753,192 | 622,696 |
| Terimaan Bukan Hasil | 17 | 1,881,354 | 2,390,402 |
| JUMLAH | | 2,949,510 | 3,312,854 |
| TOLAK: | | | |
| PERBELANJAAN | | | |
| Emolumen | 18 | 1,887,006 | 1,691,533 |
| Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan | 19 | 453,113 | 290,428 |
| Harta Modal | 20 | 13,805 | 4,217 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 21 | 10,000 | 5,000 |
| Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain | 22 | 71,100 | 65,016 |
| Susutnilai | 4 | 508,492 | 593,793 |
| JUMLAH | | 2,943,516 | 2,649,987 |
| LEBIHAN PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN | | 5,994 | 662,867 |

MAJLIS DAERAH SELAMA, PERAK DARUL RIDZUAN
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | Nota | Kumpulan Wang Terkumpul | Kumpulan Wang Pembangunan | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan/ Komputer | Kumpulan Wang PPKB | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | RM | RM | RM | RM | RM |
| Baki Pada 1 Januari 2007 | | 1,626,014 | 6,050 | 104,000 | 0 | 1,736,064 |
| Lebihan Pendapatan Bagi Tahun | | 662,867 | 0 | 0 | 0 | 662,867 |
| Tambahan Sumbangan Semasa | | 0 | 5,900 | 0 | 8,940 | 14,840 |
| Perbelanjaan | | 0 | 0 | 0 | (8,940) | (8,940) |
| Baki pada 31 Disember 2007 | | 2,288,881 | 11,950 | 104,000 | 0 | 2,404,831 |
| Pelarasan Tahun Lalu | 13 | 213 | 0 | 0 | 0 | 213 |
| Baki pada 31 Disember 2007 Dinyatakan semula | | 2,289,094 | 11,950 | 104,000 | 0 | 2,405,044 |
| Lebihan Pendapatan Bagi Tahun | | 5,994 | 0 | 0 | 0 | 5,994 |
| Tambahan Sumbangan Semasa | | 0 | 0 | 0 | 14,480 | 14,480 |
| Pelupusan | | | | | | |
| Perbelanjaan | | 0 | (5,500) | 0 | (9,180) | (14,680) |
| Baki pada 31 Disember 2008 | | 2,295,088 | 6,450 | 104,000 | 5,300 | 2,410,838 |

MAJLIS DAERAH SELAMA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008

| | 2008 RM | 2007 RM |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan atas Perbelanjaan | 5,994 | 662,867 |
| Pelarasan Untuk Perkara-perkara Yang Tidak Melibatkan Pergerakan Tunai: | | |
| Pelarasan Tahun Lepas | 213 | (284) |
| Susutnilai | 508,492 | 593,793 |
| Kerugian Atas Pelupusan Aset | 0 | 10 |
| Pertukaran status harta modal ke inventori | 0 | 565 |
| Pelarasan semula inventori ke harta modal | (565) | 0 |

| | 2008 RM | 2007 RM |
|---|---|---|
| Susutnilai Terlebih Ambilkira | 0 | (5) |
| Pemberian Kerajaan | 432,282 | 883,059 |
| Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan | (473,505) | (557,399) |
| Lebihan Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja | 472,911 | 1,582,606 |
| (Pertambahan)/Pengurangan dalam Penghutang | 3,493 | (13,313) |
| (Pertambahan)/Pengurangan dalam Pinjaman Kend./Komp. | 4,602 | (15,630) |
| (Pertambahan)/Pengurangan dalam Bayaran Terdahulu | (3,200) | 215 |
| (Pertambahan)/Pengurangan dalam Cagaran Dibayar | 0 | 0 |
| Pertambahan/(Pengurangan) dalam Pemiutang | (8,451) | (19,820) |
| Pertambahan/(Pengurangan) dalam Terimaan Terdahulu | (4,744) | 4,775 |
| Pertambahan/(Pengurangan) Pertaruhan Diterima | 17,037 | 8,585 |
| Pertambahan/(Pengurangan) Kump. Wang Pembangunan | (5,500) | 5,900 |
| Pertambahan/(Pengurngan) Kump. Wang PPKB | 5,3000 | 0 |
| Tunai Daripada Aktiviti Operasi | 481,448 | 1,553,318 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (450,475) | (890,259) |
| Tunai Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan | (450,475) | (890,259) |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN | | |
| Pembayaran Balik Pinjaman | 0 | 0 |
| Tunai Digunakan Dalam Aktiviti Kewangan | 0 | 0 |
| Pertambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai Dalam Tahun | 30,973 | 663,059 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 1hb Jan. | 817,867 | 154,808 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31hb Dis. | 848,840 | 817,867 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwakili Oleh: Wang di Bank dan di Tangan | 848,840 | 817,867 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2008

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 VISI

Selama Ke Arah Bandar Lestari Berasaskan Pertanian Moden, Persekitaran Yang kondusif, Selamat dan Sejahtera Menjelang Tahun 2015.

1.2 AKTIVITI UTAMA

Majlis Daerah Selama adalah sebuah organisasi yang dipertanggungjawabkan untuk memberi perkhidmatan perbandaran yang berkualiti melalui perancangan pembangunan yang teratur dan perkhidmatan sosial dengan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan awam serta kemudahan sosial dan rekreasi.

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Majlis terdiri daripada 7 bahagian iaitu:

1.3.1 Bahagian Pentadbiran

1.3.2 Bahagian Kewangan dan Akaun

1.3.3 Bahagian Penilaian

1.3.4 Bahagian Perkhidmatan Bandar

1.3.5 Bahagian Perancang Bandar dan Pembangunan

1.3.6 Bahagian Pusat Hentian Setempat

1.3.7 Bahagian Teknologi Maklumat

1.4 PERJAWATAN

| Kumpulan Perjawatan | Perjawatan | Taraf Jawatan | Diisi |
|---|---|---|---|
| Pentadbiran dan Diplomatik | 1 | Disandang oleh KPPD | 1 |
| Pengurusan & Professional | 3 | Tetap | 3 |
| Sokongan 1 | 23 | Tetap<br>Kontrak | 15<br>– |
| Sokongan 11 | 70 | Tetap<br>Kontrak | 53<br>– |

1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis terdiri daripada Yang Dipertua, 17 Ahli Majlis dan Setiausaha yang bertindak di dalam ruang lingkup kuasa diberikan di bawah:

i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
ii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 160)
iii. Akta Kawalan Perancang (Akta 133) dan
iv. Undang-undang Kecil yang diluluskan

Lembaga/Jawatankuasa-jawatankuasa yang diwujudkan terdiri daripada:

i. Jawatankuasa Kecil Perlantikan & Kenaikan Pangkat
ii. Jawatankuasa Kecil Tatatertib
iii. Jawatankuasa Kecil Pelesenan
iv. Jawatankuasa Kecil Rayuan Taksiran/Penilaian Harta/ Bangunan
v. Jawatankuasa Kecil Pembukaan Sebutharga/Tender
vi. Jawatankuasa Kecil Penerimaan Sebutharga/Tender
vii. Jawatankuasa Kecil Kebersihan/Kesihatan
viii. Jawatankuasa Kecil Pusat Sehenti (OSC)/Perancangan Pembangunan/ Lalulintas
ix. Jawatankuasa Kecil Pelupusan dan Peninjau Barang-barang Buruk/Lama
x. Jawatankuasa Kecil Kewangan
xi. Jawatankuasa Kecil Sewaan

1.6 SUMBER KEWANGAN

Majlis memperolehi pembiayaan melalui hasil daripada aktiviti-aktiviti utama serta sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

2. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Majlis bertujuan untuk memastikan sumber kewangan Majlis adalah mencukupi bagi tujuan operasi dan pembangunan yang telah dirancang. Majlis beroperasi berdasarkan garis panduan dan polisi-polisi yang dibenarkan dan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti spekulasi.

2.1 Risiko Kecairan Dan Aliran Tunai

Risiko kecairan merupakan risiko bahawa entiti akan menghadapi

kesukaran dalam dana bagi memenuhi obligasi semasa dan masa depan yang berkaitan dengan obligasi kewangan apabila telah sampai tempoh.

Risiko kecairan dan aliran tunai diuruskan melalui pengurusan modal kerja bagi memastikan aliran tunai sentiasa mencukupi. Pihak Majlis mempunyai bantuan kewangan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan semasa.

2.2 Risiko Kredit

Risiko kredit adalah berkemungkinan bagi kerugian yang berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungan untuk memenuhi obligasi kontrak mereka.

Pengurusan risiko kredit dilaksanakan melalui penilaian kredit dalaman bagi risiko kredit yang matang.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

3.1 Asas Perakaunan

3.1.1 Kos Sejarah

Penyata Kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain daripada dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

3.1.2 Pengiktirafan Pendapatan

i. Hasil Kendalian Operasi

Pendapatan daripada kendalian/operasi Majlis diiktiraf menggunakan kaedah asas akruan seperti cukai taksiran, carum bantu kadar, sewaan kecuali sewa kediaman, dewan, padang dan gelanggang, trek olahraga, peralatan, sistem audio dan tapak penjaja. Notis dan faedah simpanan tetap berkonsepkan konvensional akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan. Pendapatan daripada kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai yang mana perlu.

ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana Akta dan arahan akan diiktiraf secara akruan.

iii. Keuntungan Simpanan Tetap

Penerimaan keuntungan untuk simpanan tetap sistem perbankan secara Islam diambilkira berdasarkan asas tunai.

3.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

3.2 Tunai dan bersamaan tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan bersamaan tunai terdiri daripada tunai di bank dan di tangan, overdraf dan simpanan tetap yang mana risiko pertukaran nilai tunai adalah tidak signifikan. Kaedah penyediaan penyata aliran tunai adalah disediakan mengikut kaedah Indirect.

3.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan nilai aset terjejas, jika ada. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai menggunakan asas sama rata supaya kos harta-harta tersebut dilunaskan sepanjang tempoh jangkaan usianiaga harta tersebut.

Harta yang berjumlah RM1,000.00 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Bagi harta yang berjumlah kurang dari RM1,000.00 akan dicajkan sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan.

Harta yang dibeli sebelum atau pada 30hb Jun akan disusutnilaikan setahun dan harta yang dibeli selepas 30hb Jun akan disusutnilakan pada tahun berikutnya.

Tanah milik bebas tidak disusutnilai

Kadar-kadar tahun yang digunakan adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Tanah Milik Pajakan | : | Tempoh Pajakan 99 tahun |
| Bangunan | : | 2% setahun |
| Gerai | : | 5% setahun |
| Kenderaan | : | 20% setahun |
| Peralatan | : | 20% setahun |
| Kelengkapan Pejabat | : | 20% setahun |

3.4 Carum Bantu Kadar

Pemberian Carum Bantu Kadar adalah berdasarkan kepada caruman/ pemberian yang diluluskan sama ada oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

3.5 Pendapatan Geran

3.5.1 Geran pembangunan berkaitan perbelanjaan modal yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan. Amaun yang digunakan dalam tahun akan

diambilkira di dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada tempoh hayat harta berkenaan yang bersamaan dengan jumlah susutnilai yang dikenakan.

3.5.2 Geran pengurusan yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pendapatan Tertangguh – Geran Kerajaan Mengurus dan akan diambilkira di dalam penyata pendapatan dalam tahun sama di mana geran tersebut digunakan bagi perbelanjaan yang telah dibenarkan.

3.6 Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam perlaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

3.7 Pinjaman

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak diperakaunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di Lembaran Imbangan sebagai Pinjaman Jangka Pendek dan Pinjaman Jangka Panjang – Pinjaman Dari Kerajaan Negeri. Pinjaman Jangka Pendek adalah jumlah yang akan dibayar dalam masa setahun selepas tahun perakaunan.

3.8 Kemudahan Awam

Kemudahan awam adalah harta yang berkaitan dengan kepentingan awam dan tidak diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan dan diambilkira di bawah harta modal dalam Penyata Pendapatan.

3.9 Penghutang

Penghutang dinyatakan setelah ditolak elaun hutang ragu.

Hutang-hutang lapuk yang dikenalpasti akan dihapuskira dan elaun khas diwujudkan bagi hutang-hutang yang dianggap ragu untuk dikutip

4. HARTANAH LOJI DAN PERALATAN

4.1 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (Rujuk m/s 86)

4.2 TANAH MILIK PAJAKAN

Tanah Lot 468, Lot 464, PT 3176, PT 3195, PT 3216, PT 3097, PT 3908, PT 3909, PT 3910 dan PT 3911 telah diberi Hak Milik Sementara dengan pajakan 99 tahun. Sementara itu lot tapak pejabat dan kuarters masih dalam proses pengeluaran hakmilik oleh Pejabat Tanah Selama.

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN
4.1 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| 2008 | Tanah | Bangunan | Gerai | Kenderaan | Peralatan | Perabot & Kelengkapan Pejabat | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Kos Asal/Nilaian | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 636,941 | 12,657,050 | 2,271,175 | 1,913,890 | 392,872 | 376,481 | 18,248,409 |
| Pelarasan | 0 | 0 | 0 | 0 | 54,823 | 7,363 | 62,180 |
| Tambahan | 6,390 | 98,782 | 198,800 | 0 | 0 | 146,503 | 450,475 |
| Pelupusan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Baki Akhir Tahun | 643,331 | 12,755,832 | 2,469,975 | 1,913,890 | 447,695 | 530,347 | 18,761,070 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 64,779 | 2,006,251 | 1,022,295 | 1,785,372 | 254,533 | 342,676 | 5,475,906 |
| Pelarasan | 0 | 0 | 0 | 0 | 52,790 | 6,276 | 59,066 |
| Susutnilai Semasa | 6,434 | 249,544 | 118,355 | 37,207 | 55,785 | 41,167 | 508,492 |
| Pelupusan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Baki Akhir Tahun | 71,213 | 2,255,795 | 1,140,650 | 1,822,579 | 363,108 | 390,119 | 6,043,464 |
| Nilai Buku Bersih | 572,118 | 10,500,037 | 1,329,325 | 91,311 | 84,587 | 140,228 | 12,717,606 |

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

4.1 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN–*Samb.*

| 2007 | Tanah | Bangunan | Gerai | Kenderaan | Peralatan | Perabot & Kelengkapan Pejabat | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Kos Asal/Nilaian | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 636,941 | 11,970,651 | 2,271,175 | 1,825,079 | 339,846 | 534,847 | 17,578,539 |
| Pelarasan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Tambahan | 0 | 686,399 | 0 | 88,811 | 107,850 | 7,199 | 890,259 |
| Pelupusan | 0 | 0 | 0 | 0 | (54,824) | (165,565) | (220,389) |
| Baki Akhir Tahun | 636,941 | 12,657,050 | 2,271,175 | 1,913,890 | 392,872 | 376,481 | 18,248,409 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 58,345 | 1,723,923 | 913,880 | 1,668,445 | 246,083 | 488,697 | 5,099,373 |
| Pelarasan | 0 | 0 | 0 | (1) | 0 | 0 | (1) |
| Susutnilai Semasa | 6,434 | 282,328 | 108,415 | 116,928 | 61,240 | 18,448 | 593,793 |
| Pelupusan | 0 | 0 | | 0 | (52,790) | (164,469) | (217,259) |
| Baki Akhir Tahun | 64,779 | 2,006,251 | 1,022,295 | 1,785,372 | 254,533 | 342,676 | 5,475,906 |
| Nilai Buku Bersih | 572,162 | 10,650,799 | 1,248,880 | 128,518 | 138,339 | 33,805 | 12,772,503 |

5. PENGHUTANG

| | 2008 | 2007 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Cukai Taksiran Am | 190,045 | 165,806 |
| Carum Bantu Kadar | 0 | 612 |
| Sewaan | 160,010 | 171,299 |
| Notis E | 26,103 | 23,112 |
| Air Penyewa Gerai | 25,918 | 26,834 |
| | 402,076 | 387,663 |
| Tolak: Elaun Hutang Ragu Terkumpul | | |
| Cukai Taksiran Am | 17,377 | 8,290 |
| Sewaan | 16,137 | 8,565 |
| Notis E | 2,403 | 1,156 |
| | 35,917 | 18,011 |
| | 366,159 | 369,652 |

6. PINJAMAN KENDERAAN DAN KOMPUTER

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada 1hb Jan. | 31,248 | 15,618 |
| Campur: | | |
| Pinjaman Diberi Dalam Tahun | 22,900 | 29,300 |
| Tolak: | | |
| Bayaran Balik Dalam Tahun | (27,502) | (13,670) |
| Baki pada 31hb Dis. | 26,646 | 31,248 |

7. BAYARAN TERDAHULU

| | | |
|---|---|---|
| Insuran Premium | 11,599 | 8,400 |
| Lesen Memandu | 103 | 103 |
| | 11,702 | 8,503 |

8. CAGARAN DIBAYAR

| | | |
|---|---|---|
| Cagaran Air | 8,103 | 8,103 |
| | 8,103 | 8,103 |

9. WANG DI BANK DAN DI TANGAN

| | | |
|---|---|---|
| Akaun Semasa | 299,992 | 623,036 |
| Akaun Wang Pertaruhan | 135,108 | 116,881 |
| Akaun Wang Perkhidmatan Kemajuan | 6,451 | 6,050 |

| | 2008 | 2007 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| Akaun Program Kemiskinan Bandar | 5,300 | 0 |
| Panjar Wang Runcit | 500 | 500 |
| Mesin Franking | 403 | 0 |
| Tunai di Tangan | 0 | 500 |
| Wang Dalam Perjalanan | 1,086 | 70,900 |
| Simpanan Tetap | 400,000 | 0 |
| | 848,840 | 817,867 |

10. PEMIUTANG

| | | |
|---|---|---|
| Bayaran Audit | 0 | 6,878 |
| Cek Tidak Tuntut | 2,607 | 2,607 |
| Pelbagai Sipiutang | 37,974 | 39,547 |
| | 40,581 | 49,032 |

11. TERIMAAN TERDAHULU

| | | |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 1,071 | 5,339 |
| Carum Bantu Kadar | 120 | 120 |
| Sewaan | 370 | 0 |
| Air Penyewa Gerai | 24 | 0 |
| Bayaran Peguam | 320 | 320 |
| | 1,905 | 6,649 |

12. CAGARAN DITERIMA

| | | |
|---|---|---|
| Cagaran Sewa dan lain-lain | 132,771 | 115,734 |
| | 132,771 | 115,734 |

13. KUMPULAN WANG

13.1 KUMPULAN WANG TERKUMPUL

| | | |
|---|---|---|
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan atas Perbelanjaan bagi tahun: | 5,994 | 662,867 |
| Baki pada 1hb Jan. | 2,288,88 | 1,626,298 |
| Pelarasan tahun lalu | 213 | (284) |
| Baki selepas pelarasan | 2,289,094 | 1,626,014 |
| Baki pada 31hb Dis. | 2,295,088 | 2,288,881 |

| | 2008 RM | 2007 RM |
|---|---|---|
| 13.2 KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN | | |
| Baki pada 1hb Jan. | 11,950 | 6,050 |
| Tambah: Penerimaan Dalam Tahun | 0 | 5,900 |
| Tolak: Pembayaran Dalam Tahun | (5,500) | 0 |
| Baki pada 31hb Dis. | 6,450 | 11,950 |
| 13.3 KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN/KOMPUTER | | |
| Baki pada 1hb. Jan. | 104,000 | 104,000 |
| Pindahan Dari Kumpulan Wang Terkumpul | 0 | 0 |
| Baki pada 31hb Dis. | 104,000 | 104,000 |
| 13.4 KUMPULAN WANG PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR | | |
| Baki pada 1hb Jan. | 0 | 0 |
| Tambah: Penerimaan Dalam Tahun | 14,480 | 8,940 |
| Tolak: Pembayaran Dalam Tahun | (9,180) | (8,940) |
| Baki pada 31hb. Dis. | 5,300 | 0 |

14. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

Ini merupakan Geran Kerajaan berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan:

| 2008 Jenis Harta | Baki Pada 1.1.2008 | Pelarasan Awal Tahun | Tambahan Dalam Tahun | Pelupusan Dalam Tahun | Jumlah Peruntukan Kepada Pendapatan Jangkamasa | Baki Pada 31.12.2008 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Bangunan | 9,914,524 | 0 | 98,782 | 0 | (231,289) | 9,782,017 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Gerai | 1,242,555 | 0 | 198,800 | 0 | (117,349) | 1,324,006 |
| Kenderaan | 128,515 | 0 | 0 | 0 | (37,207) | 91,308 |
| Peralatan | 137,286 | 2,031 | 0 | 0 | (55,259) | 84,058 |
| Perabot & Kelengkapan Pejabat | 8,750 | 523 | 134,700 | 0 | (32,401) | 111,572 |
| | 11,431,630 | 2,554 | 432,282 | 0 | (473,505) | 11,392,961 |

| 2007 Jenis Harta | Baki Pada 1.1.2007 | Pelarasan Awal Tahun | Tambahan Dalam Tahun | Pelupusan Dalam Tahun | Jumlah Peruntukan Kepada Pendapatan Jangkamasa | Baki Pada 31.12.2007 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Bangunan | 9,492,199 | | 686,398 | 0 | (264,073) | 9,914,524 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Gerai | 1,349,964 | 0 | 0 | 0 | (107,409) | 1,242,555 |
| Kenderaan | 156,631 | 1 | 88,811 | 0 | (116,928) | 128,515 |
| Peralatan | 91,085 | 0 | 107,850 | (2,031) | (59,618) | 137,286 |
| Perabot & Kelengkapan Pejabat | 18,649 | 0 | 0 | (528) | (9,371) | 8,750 |
| | 11,108,528 | 1 | 883,059 | (2,559) | (557,399) | 11,431,630 |

| | 2008 RM | 2007 RM |
|---|---|---|
| 15. HASIL CUKAI | | |
| Cukai Taksiran Am | 278,848 | 264,115 |
| Carum Bantu Kadar | 36,116 | 35,641 |
| | 314,964 | 299,756 |
| 16. HASIL BUKAN CUKAI | | |
| Lesen dan Bayaran Pendaftaran | 100,154 | 77,336 |
| Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan | 31,313 | 52,175 |
| Perolehan dari Jualan Barang-barang | 7,857 | 608 |
| Sewaan | 429,637 | 418,871 |
| Faedah dan Perolehan dari Pelaburan | 9,984 | 4,886 |
| Denda dan Hukuman | 27,001 | 53,251 |
| Air Penyewa Gerai | 14,640 | 15,569 |
| Terimaan Pelbagai | 132,606 | 0 |
| | 753,192 | 622,696 |
| 17. TERIMAAN BUKAN HASIL | | |
| Sumbangan Kerajaan Persekutuan | 807,849 | 1,262,003 |
| Sumbangan Kerajaan Negeri | 600,000 | 571,000 |
| Pindahan dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan | 473,505 | 557,399 |
| | 1,881,354 | 2,390,402 |

| | 2008 | 2007 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| 18. EMOLUMEN | | |
| Gaji dan Upah | 1,094,509 | 1,018,369 |
| Elaun Tetap | 382,157 | 396,130 |
| Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan | 191,970 | 177,292 |
| Elaun Lebih Masa | 122,583 | 99,610 |
| Faedah Kewangan | 95,787 | 132 |
| | 1,887,006 | 1,691,533 |
| 19. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | | |
| Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup | 27,305 | 15,276 |
| Pengangkutan Barang-barang | 2,412 | 503 |
| Perhubungan dan Utiliti | 121,608 | 93,032 |
| Sewaan | 5,062 | 0 |
| Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan | 102,083 | 86,994 |
| Bekalan dan Bahan-bahan | 46,920 | 32,193 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli | 77,198 | 20,497 |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti | 70,525 | 41,933 |
| | 453,113 | 290,428 |
| 20. HARTA MODAL | | |
| Harta Modal Yang Lain (Inventori) | 13,805 | 3,652 |
| Pertukaran status harta Modal ke Inventori | 0 | 565 |
| | 13,805 | 4,217 |
| 21. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP | | |
| Pemberian Dalam Negeri | 10,000 | 5,000 |
| | 10,000 | 5,000 |
| 22. PERBELANJAAN-PERBELANJAN LAIN | | |
| Bayaran-bayaran Yang Lain | 44,899 | 46,995 |
| Kerugian Atas Pelupusan Aset | 0 | 10 |
| Elaun Hutang Ragu | 17,906 | 18,011 |
| Hapuskira | 8,295 | 0 |
| | 71,100 | 65,016 |

| | 2008 | 2007 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| 23. PENGLIBATAN MODAL | | |
| Diluluskan dan dikontrakkan: | 700,000 | 0 |
| | 700,000 | 0 |

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA